

## SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN IKRAR BEBAS RASUAH JABATAN PERTANIAN 2017



Penulis : Abdul Hadi Bin Hj. Mustapa Kamar

Foto : Mohd Fadzlee dan Mohd Redzuan

Putrajaya, 24 Ogos - Bagi menzahirkan komitmen Jabatan Pertanian Malaysia dalam membentuk dan membudayakan masyarakat terutama warga Jabatan agar berintegriti dan mempunyai kemantapan peribadi yang beretika tinggi, satu (1) sambutan Hari Integriti dan Ikrar Bebas Rasuah Jabatan Pertanian 2017 telah diadakan pada hari ini.

Ini merupakan sambutan kali ke-3 bagi warga Jabatan Pertanian sejak penubuhan Unit Integriti di Jabatan Pertanian pada tahun 2014. Tema yang dipilih adalah "Lestarikan Integriti, Luhurkan Khidmat Bakti" selari dengan pengisytiharan tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian Perkhidmatan.

Ketua Pengarah Pertanian, Dato' Ahmad Zakaria bin Mohd Sidek dalam ucapannya berharap program ini dapat menyemarakkan lagi semangat seluruh warga Jabatan untuk terus meningkatkan nilai integriti dan kemantapan peribadi yang tinggi agar agenda transformasi negara dapat dicapai. Mengambil kira perubahan persekitaran yang semakin

kompleks pada masa ini, dan bagi mengharungi arus perdana yang semakin mencabar maka sudah tentulah Jabatan memerlukan warga kerja yang komited untuk melakukan perubahan, apatah lagi dalam konteks Jabatan Pertanian yang merupakan penggerak utama dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Pada hari ini Jabatan turut melancarkan Buku Pelan Integriti Jabatan Pertanian 2017-2021. Pelan ini digubal bertujuan untuk memastikan Jabatan kekal signifikan sebagai salah satu agensi penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Pelan ini dibangunkan selari dengan Visi, Misi dan Objektif Jabatan Pertanian. Skop dan konsep adalah menyeluruh dan holistik dalam memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan untuk membudayakan integriti.

Sempena sambutan ini turut diadakan majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Majlis ini sebagai menzahirkan bahawa warga Jabatan sangat komited memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Semangat dan usaha memerangi rasuah adalah amanah dan tugas yang perlu ada bagi setiap ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga Jabatan Pertanian bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Dato' Ahmad Zakaria bin Mohd Sidek dalam ucapannya menyatakan bahawa integriti perlu dijadikan pegangan kukuh dalam diri setiap individu. Integriti ini bukan sahaja menjadi amalan dan pakaian kita secara peribadi, sebaliknya dijadikan perkara yang sangat penting dalam kita menjalani kehidupan seharian. Tahap integriti yang tinggi perlu ada pada diri setiap warga Jabatan bagi mewujudkan satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam Jabatan Pertanian bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa cemerlang dan seterusnya meningkatkan produktiviti Jabatan. Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan memetik kata-kata dari pelabur terkenal Warren Buffett iaitu "*In looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence, and energy. And if you don't have the first, the other two will kill you*".